

## 11.8.2021\_Harakah\_MOSTI – Warga emas terharu ‘YB’ pikul beras ke rumah

### Bantuan Bakul PEMULIH

# Warga emas terharu ‘YB’ pikul beras ke rumah

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Segelintir penduduk Flat Perumahan Kondo Rakyat terutama penghuninya warga emas terharu apabila menerima bantuan Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH) yang dibawa sendiri oleh wakil rakyatnya.

Tinjauan Harakah pada Program Pelancaran Agihan Bantuan Bakul Makanan PEMULIH di Perumahan Flat Kondo Rakyat, Kuala Ibai, Batu Buruk, Kuala Terengganu, menemui beberapa orang penerima bantuan PEMULIH berkenaan.

Seorang warga emas Orang Kelainan Upaya (OKU), Owcheck Bing, 61, yang tinggal bersama pasangannya, Lee Tong Nyik, 53, melahirkan rasa terharu dengan kehadiran Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dato' Ahmad Amzad Hashim dan Ahli Dewan



Seorang OKU warga emas Tionghua, Owcheck Bing, 61, menerima sumbangan daripada Dato' Amzad dan disaksikan Ustaz Muhammad Khaili (kiri) ketika Program Pelancaran Bantuan Bakul Makanan PEMULIH di Flat Kondo Rakyat Kuala Ibai.

LH) ini. Saya terima dan ucap terima kasihlah kepada semua,

“Saya orang uzur, tak boleh jalan jauh sebab kaki sebelah kanan sudah kena potong kerana penyakit kencing manis selain masalah mata kurang nampan. Hampir 10 tahun jadi orang OKU dan tinggal ber-


alami masalah saraf dan penglihatan kabur kerana selaput mata yang semakin menebal.

“Suami baharu meninggal tahun lepas (2020) dan dibantu oleh anak-anak serba sedikit. Anak sembilan orang tetapi ramai yang tidak dapat bekerja kepada PKP.

Kondo rakyat ini selama 23 tahun secara sewa beli telah menerima sumbangan bakul PEMULIH yang diambil oleh wakil rakyat Parliment dan DUN Batu Buruk.

“Anak tu orang tetapi sekarang tinggal lima beranak dalam serumah kerana (anak) yang lain berada di luar tidak dapat bersama kerana PKP. Bantuan PEMULIH ini amat membantu kami semua untuk beberapa hari dan minggu,” jelasnya.

Menurut Fatimah, sua-



Flat Kondo Rakyat yang menjadi tumpuan agihan bakul PEMULIH di DUN Batu Buruk.



mad Khalil Abdul Hadi ke rumahnya.

Kata beliau, terkejut kerana pintu rumah diketuk dan diperkenalkan sebagai 'YB' (Yang Berhormat) Parlimen dan 'YB' ADUN Batu Buruk datang untuk menghantar bantuan bakul PEMULIH.

"Saya benar-benar tak sangka dan terkejut pun ada bila mereka perkenalkan diri sebagai YB. Mereka datang ramai-ramai untuk beri bantuan bakul (PEMU-

LIH). Menurutnya, keempat-empat orang anak berada di ibu negara Kuala Lumpur dan Johor, tidak dapat pulang kerana seketan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 sejak setahun lalu.

Beliau kini bermiaga kecil-kecilan makanan ringan untuk kanak-kanak di perumahan ini bagi menampung keperluan keluarga.

Penghuni lain, Fatimah Mohamad, 69, turut meng-

ringankan beban rakyat yang susah seperti kami di perumahan (Kondo Rakyat) ini. Terima kasih kerana menyusahkan YB Dato' Amzad dan YB Ustaz (Khalil) datang sendiri," ujarnya.

Menurutnya, kerajaan melalui wakil penduduk perlulah sentiasa bertanya khabar mengenai masalah dan bantuan yang diperlukan.

Jiraninya, Puan Fatimah Mat Zin, 67, tinggal di Flat

usaia 70 tanun turut menghadapi masalah saraf yang berpuncu daripada kemalangan jalan raya 10 tahun lalu.

Manakala, seorang penenerima lain juga warga emas, Wan Som Wan Jusoh, 72, yang tinggal di Blok Gelam bersama suaminya Mohd Ali Awang, 58, yang kezuruan menghadapi pelbagai jenis penyakit kencing manis, darah tinggi dan prostat.

"Mak Cik ucap terima kasih dan tak sangka dua

Dato' Amzad dan Ustaz Khalil datang membawa bantuan bakul PEMULIH kepada Fatimah Mohamad, 69, di Flat Kondominium Rakyat, Kuala Ibai.

orang YB (Dato' Amzad dan Ustaz Khalil) datang ke rumah, pikul beras dan setiap bakul bernilai RM300 dapat menyediakan 3,000 pak bakul makanan PEMULIH untuk empat DUN bawah parliment Kuala Terengganu.

"Akibat PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ini semua orang susah. Anak-anak yang duduk jauh tidak boleh balik, yang bekerja hilang pekerjaan. Harap bantuan macam ini lah dapat bantu sikit-sikit," ujarnya.

Menurutnya, pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) sentiasa memantau dan jika tiada makanan boleh mengadu kepada pihak berkenaan. Sehubungan itu, Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dato' Ahmad Amzad Hashim juga mengumumkan bagi memudahkan bantuan bakul makanan menepati sasarannya, nama dan nombor telefon petugas di Pusat Khidmat Ahli Parlimennya diedarkan.

Katanya, setiap Ahli Par-

limen seluruh negara diberi peruntukan RM300,000 dan setiap bakul bernilai RM300 dapat menyediakan 3,000 pak bakul makanan PEMULIH.

Alhamdulillah.

"Jadi, kita kena agihkan

dengan sebaik mungkin bantuan kepada golongan sasar yang benar-benar terkesan akibat pandemik Covid-19. Paket PEMULIH ini merupakan bantuan yang diagihkan kepada empat DUN yang lain," ujarnya.

Hadir sama pada majlis itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Buruk, Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi, Setiausaha PAS Kuala Terengganu, Ustaz Mohd Soud Said, Pegawai Perhubungan dan Kemasyarakatan Parlimen Kuala Terengganu, Zulkifli Wahab, Pembantu Khas Parlimen (DUN) Batu Buruk, Tuan Ngah Tuan Ahmad dan Pengerusi JPKK Tok Adis, Talib Manaf.



Fatimah Mat Zin



Wan Som Wan Jusoh